

INFO US\$AHAWAN

usahawan pemacu ekonomi mapan

EDISI 25

ISSN 1823-6421



ISNIN - SABTU

9.30 MALAM

KERANG REBUS PUBLIC PHONE



**WARISAN NUSANTARA ENT
KEDAI PAK KOB
KG KIJANG 011 111 67769**

Noorsa Riza Johari¹, Khairil Anuar Bahari¹, Dr Rafidah Aida Ramli¹, dan
Muhammad Shakir Zulkafli¹

¹Fakulti Pengurusan Hotel & Pelancongan, UITM Cawangan Pulau Pinang

*Koresponden: noorsariza829@uitm.edu.my

Jika berkunjung ke Bukit Mertajam, Pulau Pinang jangan lupa singgah merasai keenakan kerang rebus Public Phone yang diusahakan oleh usahawan muda saudara Norhisham Bin Haji Yaakob di Kampung Kijang, Alma, Bukit Mertajam. Perniagaan ini hanya dibuka pada bulan Ramadhan bermula pada hari Isnin sehingga Sabtu dari jam 9.30 malam sehingga 12.30 tengah malam. Selain daripada kerang rebus, beliau turut menyediakan bagi pengemar makanan laut yang lain iaitu kepah hijau, kepah laut, siput gondang dan siput duri.

Dengan harga hanya sebanyak RM7.00 sepinggan, pelanggan boleh memilih makanan laut kesukaan untuk direbus. Selain daripada itu, pelanggan juga boleh memilih makanan laut yang lain kemudian ditimbang bagi mengetahui harga makanan laut tersebut. Pelanggan yang berkunjung diberikan secara percuma minuman air oren sambil menikmati kesegaran makanan laut rebus yang dipilih. Ia turut dihidangkan bersama sos cili dan sos ala thai istimewa yang dibuat sendiri oleh saudara Norhisham.

Justeru itu, bagi pengemar makanan laut yang datang ke Pulau Pinang atau masyarakat sekitar Bukit Mertajam, marilah sama-sama kita berkunjung untuk merasai keenakan dan kesegaran Kerang Rebus Public Phone. Dengan harga yang berpatutan, makanan laut yang segar dan anda pasti berpuas hati. Jom kita pakat-pakat mai!

